

GARISPANDU BAGI PEMOHONAN BARU LESEN PEMANDU PELANCONG

1. Pemohon mestilah memenuhi semua syarat-syarat seperti berikut:

a) Umur

Telah mencapai umur lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan dibuat.

b) Kelayakan

Telah menjalani dan lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dijalankan oleh institusi pendidikan yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

c) Kesihatan

Sihat dari segi fizikal dan mental serta lulus pemeriksaan kesihatan daripada klinik yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

d) Kelakuan

Bebas dari sebarang rekod jenayah.

2. Permohonan hendaklah mengisikan dan menghadapkan **Borang Permohonan Lesen Pemandu Pelancong** yang lengkap ke **Tingkat 3, Unit Perlesenan dan Pendaftaran, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

Hari dan Waktu untuk menghadapkan:-

**Pada : Hari Isnin hingga Khamis
(Jam: 8.00 pagi – 11.00 pagi / 2.00 petang – 3.00 petang)**

**: Hari Sabtu
(Jam: 8.00 pagi – 10.00 pagi sahaja)**

3. Permohonan lesen hendaklah dihadapkan tidak melebihi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong daripada Institusi Pendidikan yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

4. Menghadapkan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan permohonan.

- a) **Dua (2)** keping gambar terkini (berwarna) berukuran pasport
- b) **Satu (1)** salinan kad pengenalan terkini atau salinan pasport (**mukasurat jaminan**) untuk pekerja asing
- c) **Satu (1)** salinan surat akuan kesihatan daripada klinik yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
- d) **Satu (1)** salinan Sijil Kursus Asas Pemandu Pelancong beserta transkrip daripada Institusi Pendidikan yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan
- e) **Satu (1)** salinan surat tawaran dari majikan Syarikat Ejen Pelancongan (jika berkenaan)
- f) **Satu (1)** salinan Lesen Pekerja Asing (LPA) daripada Jabatan Buruh kepada majikan Syarikat Ejen Pelancongan (untuk pekerja asing)

5. Pemegang lesen dikehendaki untuk membuat pembayaran sebanyak **B\$50.00** bagi tempoh **tiga (3) tahun** dari tarikh permohonan dibenarkan. Pengantian bagi lencana baru yang rosak atau hilang yang dilaporkan secara bertulis ke Jabatan Kemajuan Pelancongan akan dikenakan sebanyak B\$50.00 dengan mengekalkan tempoh sah laku lesen yang asal.